



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Oktober 2020**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan dituduh palsu dokumen</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nelayan mengaku tidak bersalah guna dokumen palsu</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		
							34	20/10/2020

Sinar Harian



Tertuduh (tengah) diliring polis ketika tiba di Mahkamah Majistret Kuala Pilah semalam.

## S4 M/S 34 20/10/2020

### Nelayan mengaku tidak bersalah guna dokumen palsu

**KUALA PILAH** - Seorang nelayan dihadap ke Mahkamah Majistret Kuala Pilah di sini semalam atas empat pertuduhan mengemukakan dokumen palsu.

Tertuduh, Muhammad Abu Zar'ah Azutdin bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Nuriman Badruddin.

Mengikut pernyataan, tertuduh menggunakan satu dokumen palsu sebagai tulen iaitu Borang E, Peraturan 7(1), Akta Harta Pusaka Kecil(Pembahagian) 1995 Daerah Melaka Tengah, Melaka bertarikh 21 Oktober 2019.

Tertuduh juga telah menggunakan satu dokumen sijil kematian sebagai tulen milik penama Nik Jaafar Daud.

Perbuatan itu dilakukan di Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Jempol, Bandar Seri Jempol pada 13 Ogos 2020 jam 2.24 petang.

Tertuduh turut berdepan dua lagi kesalahan sama yang dilakukan di Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan JPJ Cawangan Kuala Pilah pada 11 September 2020.

Bagi kesalahan menggunakan dokumen sijil kematian sebagai tulen, tertuduh menggunakan

penama Hassan Ibrahim.

Berikut ini, tertuduh didapati telah kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 467 Kanun Keseksaan yang sama, sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda.

Peguam, S S Amritpal Singh memohon mahkamah memberikan jaminan rendah atas alasan anak guamnya bekerja sebagai nelayan dan mempunyai ramai tanggungan iaitu isteri dan seorang anak berusia 10 tahun, ibu bapa yang sudah tua serta seorang adik menghidap sindrom down.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		33	20.10.2020

## Nelayan dituduh palsu dokumen

UM M/S 33  
20.10.2020

**KUALA PILAH:** Seorang nelayan didakwa atas empat pertuduhan mengemukakan dokumen palsu di Mahkamah Majistret Kuala Pilah, di sini semalam.

Muhammad Abu Zar'ah Azutdin, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret, Nariman Badruddin.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Abu menggunakan dokumen palsu iaitu Borang E, Peraturan 7(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995 Daerah Melaka Tengah, Melaka bertarikh 21 Oktober 2019.

Tertuduh juga didakwa menggunakan satu dokumen sijil kematian milik penama Nik Jaafar Daud.

Perbuatan itu dilakukan di Bahagian Pendaftaran dan Peleseran Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Jempol, Bandar Seri Jempol pada 13 Ogos 2020, kira-kira pukul 2.24 petang.

Tertuduh turut berdepan dua lagi kesalahan sama yang didakwa dilakukan di Bahagian Pendaftaran dan Peleseran Kenderaan JPJ Cawangan Kuala Pilah pada 11 September 2020, lebih kurang pukul 2.30 petang.

Bagi kesalahan menggunakan



**MUHAMMAD Abu Zar'ah Azutdin (bertopi)** dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Pilah, Negeri Sembilan, semalam untuk dituduh atas dakwaan mengemukakan dokumen palsu.

kan dokumen sijil kematian palsu, tertuduh menggunakan penama Hassan Ibrahim.

Berikutnya itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikuti Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 467 Kanun Keseksaan yang sama dan sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maks-

mum 20 tahun dan denda.

Peguambela mewakili tertuduh, S. Amritpal Singh memohon mahkamah memberikan jaminan rendah atas alasan anak guamnya bekerja sebagai nelayan dan mempunyai ramai tanggungan iaitu isteri dan seorang anak berusia 10 tahun, ibu bapa yang sudah tua serta seorang adik

yang menghidap sindrom down.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Muhamimin Mohd. Azman.

Mahkamah menetapkan jaminan RM20,000 dengan cagaran bagi kesemua pertuduhan dan 3 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes.